

6

Objektif 5

PENGUKUHAN UNDANG-UNDANG YANG LEBIH EFISIEN



OBJEKTIF 5:

Pengukuhan Undang-Undang yang Lebih Efisien

Merangkumi Skop Pengukuhan Peruntukan
Undang-undang Sedia Ada yang Berkaitan dengan Pemeliharaan
Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi

Strategi 5.1

Pengukuhan Peruntukan Undang-undang Sedia Ada Berkaitan CFS dan Rangkaian Ekologi

Tindakan 5.1a Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 (Akta 828)

Tindakan 5.1b Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)

Tindakan 5.1c Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Tindakan 5.1d Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)

Tindakan 5.1e Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Undang-undang Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Perkaitan Objektif 5 : Pengukuhan Undang-Undang yang Lebih Efisien dengan Matlamat Sustainable Development Goals (SDGs)





STRATEGI 5.1: PENGUKUHAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA BERKAITAN CFS DAN RANGKAIAN EKOLOGI

Perundangan memainkan peranan utama dalam usaha menguruskan dan memelihara hutan di Malaysia secara menyeluruh. Strategi ini dirangka sebagai panduan untuk mengukuhkan undang-undang sedia ada yang melibatkan pindaan terhadap undang-undang Persekutuan semasa berkaitan tanah, hutan serta perancangan bandar. Sistem perundangan negara perlu dikemas kini bagi mengintegrasikan sistem pengurusan hutan dalam konteks perancangan dan pembangunan tanah seiring dengan peningkatan kesedaran masyarakat dunia akan kepentingan dan tanggungjawab menjaga hutan secara bersama dan tidak diuruskan secara terasing sebagaimana yang telah dipraktikkan di negara-negara maju. Selain itu, strategi ini juga menyokong kepada pelaksanaan strategi peningkatan koordinasi dan keterangkuman pelbagai agensi / jabatan kerajaan (Objektif 4: Urus Tadbir Berdaya Laksana dan Kesedaran Awam yang Komprehensif), di mana sistem perundangan memberikan punca kuasa serta memudah cara proses penyelarasan antara perhutanan dan pembangunan tanah. Berbeza dengan strategi-strategi lain dalam pelan induk ini, strategi berkaitan perundangan adalah alternatif atau *way forward* yang telah dikenalpasti berdasarkan keperluan semasa demi melindungi hutan di Malaysia.

Tindakan

5.1a

Mengukuhkan Peruntukan Undang-Undang Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 (Akta 828)

T5.1a

PENGENALAN

Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 adalah undang-undang yang dibentuk untuk menyeragamkan segala urusan pentadbiran tanah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. KTN 1965 telah digubal berasaskan Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi negeri dalam hal tertentu iaitu:

- i. Keadaan ini berlaku kerana adanya bidang kuasa undang-undang yang tertakluk kepada perkara dalam Senarai 2 Jadual 9 (Senarai Negeri) termasuklah hal ehwal tanah dan perhutanan.

- ii. Keadaan ini boleh dibuat oleh Parlimen sekiranya terdapat apa-apa perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi tujuan persamaan undang-undang antara negeri atau sekiranya diminta oleh mana-mana Kerajaan Negeri.

T5.1a PENEMUAN UTAMA

- i. Ketiadaan tafsiran terperinci mengenai hutan serta lain-lain perkara mengenainya dalam Seksyen 5, KTN 1965.
- ii. KTN 1965 hanya menyenaraikan tiga kategori kegunaan tanah iaitu **pertanian, bangunan dan industri**. Keadaan ini menyulitkan kaedah untuk mentadbir dan menguruskan tanah yang digunakan sebagai hutan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab.
- iii. Ketiadaan proses dan prosedur yang termaktub dalam KTN 1965 untuk memberikan peraturan undang-undang mengenai perizaban tanah yang berkaitan dengan hutan serta rizab-rizab hidupan liar.

T5.1a INISIATIF PELAKSANAAN

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan		Agensi Terlibat	
		Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
1.	Memberikan tafsiran hutan.	i. KeTSA ii. JKPTG	i. PTG ii. KeTSA
2.	Menambahkan kategori kegunaan tanah utama “hutan” mengikut Seksyen 52 untuk pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri.	iii. Peguam Negara	iii. JPMS iv. JPN v. Jabatan PERHILITAN vi. PLANMalaysia
3.	Pemakaian kuasa merizabkan tanah-tanah untuk tujuan pembangunan hutan, rizab hidupan liar, kawasan kepentingan hidupan liar dan rizab sungai di bawah Seksyen 62.	i. PBN ii. PTG	i. PTG ii. PDT/PTD/PTJ iii. JPN iv. Jabatan PERHILITAN v. PLANMalaysia@Negeri

Nota: Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Memberikan Tafsiran Hutan

- i. Menambah tafsiran “Hutan” dalam Seksyen 5 KTN 1965 bertujuan untuk memperkukuhkan kepentingan hutan dalam pembangunan negara sebagai komoditi yang tidak ada pengganti seumpamanya.
- ii. Dengan itu tafsiran yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam KTN 1965 adalah “Kawasan Hutan” bermaksud “*Sesuatu kawasan merangkumi keluasan melebihi 0.5 hektar termasuk hutan semula jadi / asli tetapi tidak termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi tujuan pertanian atau penggunaan tanah bandar (urban land use). Pokok-pokok yang terdapat di kawasan tersebut juga hendaklah mampu mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 5 meter dan dilitupi oleh silara pokok melebihi 30%.*”
- iii. Definisi ini menjadi asas rujukan yang penting dalam sistem perundangan untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti agensi persekutuan, PBN, Jabatan Perhutanan, Jabatan PERHILITAN serta JAKOA yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Menambahkan Kategori Kegunaan Tanah Utama “Hutan” Mengikut Seksyen 52 Untuk Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri

- i. Menurut Seksyen 52 KTN 1965, kegunaan tanah yang dipindah milik adalah terdiri dari 3 kategori iaitu pertanian, bangunan dan industri.
- ii. Dicadangkan mana-mana tanah yang diberi milik atau dipindah milik boleh juga dikategorikan sebagai hutan dan dikenakan dengan syarat nyata tertentu di bawah penjenisan hutan simpanan kekal mengikut Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara 1984 kecuali ladang pengeluaran.
- iii. Cadangan pindaan ini dikemukakan bagi memberikan alternatif di dalam proses dan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hutan.

Kaedah Pelaksanaan

- a. PBN boleh pindah milik tanah dan diberi kategori hutan kepada NGO, individu, syarikat dan mana-mana entiti tetapi tertakluk kepada syarat yang ketat dari sudut aktiviti dan juga transaksi pindah milik.
- b. Asas kepada mengemukakan cadangan ini adalah bagi membolehkan penerima tanah bermilik ini memperoleh tanah / menukar status tanah dengan menerima insentif seperti bayaran premium yang rendah, pengecualian cukai atas dasar *Corporate Social Responsibility* di samping memajukan tanah tersebut untuk perkara-perkara yang menekankan pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hutan. Ini sebagai alternatif kepada strategi untuk menambah kawasan liputan hutan di Semenanjung Malaysia.

- c. Pemberimilikan ini disertakan syarat nyata tanah dan berstatus sebagai “Rizab Hutan Simpanan Kekal” tertakluk kepada pengelasan Seksyen 10 Akta 313 kecuali ladang pengeluaran. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengawal aktiviti dan kegunaan tanah hutan tersebut.
- d. PBN juga boleh menghadkan transaksi milikan dengan mengguna pakai sekatan milikan terhadap tanah tersebut. Melalui kaedah ini, pemilik tanah juga dibenarkan untuk bekerja sama dengan NGO atau pihak lain di dalam proses pemuliharaan dan pemeliharaan tanah hutan tersebut.

**Perincian Inisiatif Pelaksanaan 3:
Pemakaian Kuasa Merizabkan Tanah-tanah untuk Tujuan Pembangunan Hutan, Rizab Hidupan Liar, Kawasan Kepentingan Hidupan Liar dan Rizab Sungai di Bawah Seksyen 62**

- i. Pemakaian serta penyelarasan peruntukan dalam KTN 1965 terutama Seksyen 62 dengan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.
- ii. Pewartaan rizab tersebut pada peringkat KTN 1965 memberikan asas yang kukuh kepada PBN serta agensi-agensi berkaitan membuat keputusan bagi pengurusan hutan.
- iii. Penggunaan Seksyen 62 merupakan alternatif kepada peruntukan-peruntukan pada akta lain seperti Akta 313 dan Akta 716 di dalam merizabkan kawasan CFS untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan.

Tindakan 5.1b

Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)

T5.1b PENGENALAN

Akta 313 merupakan satu undang-undang yang mewujudkan peruntukan bagi pentadbiran, pengurusan, pemuliharaan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Tujuan Akta 313 adalah untuk menentukan persamaan undang-undang bagi negeri-negeri di Malaysia. Akta ini akan hanya berkuat kuasa di sesuatu negeri setelah diterima pakai oleh Badan Perundangan Negeri tersebut.

SEKSYEN 7



Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkuasa untuk mewarta dan menjadikan mana-mana tanah sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) (Bahagian III Seksyen 7 Akta 313). PBN juga boleh mengambil mana-mana tanah yang bukan milik kerajaan, tanah rizab atau tanah PBN untuk dijadikan sebagai HSK bagi tujuan kepentingan awam. Pengarah Perhutanan Negeri dengan kelulusan dan warta Kerajaan Negeri boleh mengelaskan HSK mengikut maksud-maksud penggunaan tanah HSK tersebut.

SEKSYEN 10



Berdasarkan kepada Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), “Hutan” merupakan mana-mana kawasan tanah yang telah diisytiharkan oleh PBN sebagai HSK mengikut maksud kelas-kelas penggunaannya di bawah Seksyen 10 Akta 313 dan diwartakan dalam pemberitahuan negeri.

SEKSYEN 14



Bahagian IV (Hasil Hutan dan Lesen) Seksyen 14 Akta 313 menyatakan bahawa segala hasil hutan yang berpunca daripada kawasan HSK atau tanah kerajaan adalah merupakan harta PBN kecuali kawasan hasil hutan tersebut telah dilupuskan mengikut mana-mana undang-undang bertulis lain.

SEKSYEN 15



Berdasarkan Seksyen 15 Akta 313 juga termaktub larangan untuk mengambil hasil hutan dari HSK atau tanah kerajaan melainkan setelah memperoleh lesen atau permit penggunaan mengikut mana-mana undang-undang. PBN juga berkuasa untuk membenarkan penduduk dan menjalankan aktiviti tertentu dalam kawasan HSK dengan permit penggunaan.

SEKSYEN 24



Berdasarkan Seksyen 24 Akta 313, pemegang lesen hendaklah melaksanakan rancangan pengurusan hutan, rancangan mengusaha hasil hutan, rancangan penghutan semula, dan sebagainya. Jika seseorang pemegang lesen tidak melaksanakan rancangan penghutan semula tanpa sebab yang munasabah, lesen boleh dibatalkan dan sejumlah wang yang sama nilainya dengan amaun yang akan ditanggung beban perlu dibayar kepada PBN.

SEKSYEN 56



PBN menurut Seksyen 56 Akta 313 hendaklah menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi negeri terlibat dan ditadbirkan oleh Jawatankuasa (Kumpulan Wang Pembangunan Hutan), di mana hasil kewangan yang masuk ke dalam Kumpulan Wang adalah datang daripada sumber-sumber peruntukan tahunan Dewan Perundangan Negeri, *ses pembangunan hutan, pinjaman atau pemberian kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan, wang yang dibayar kepada Kerajaan Negeri dari lesen hutan dan wang yang dikutip daripada apa-apa undang-undang hutan terdahulu.

*Nota: * Berdasarkan Seksyen 60 (1) Akta 313, **ses pembangunan hutan** adalah cukai khas yang dikenakan bagi tujuan Kumpulan Wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai apa-apa hasil hutan yang dikeluarkan dari mana-mana HSK, HTK, tanah rizab, tanah lombong atau tanah beri milik mengikut kadar yang ditetapkan.*

T5.1b PENEMUAN UTAMA

- i. Tafsiran-tafsiran penting dan semasa dalam pentadbiran dan pengurusan hutan mengikut undang-undang perhutanan Akta 313 yang diamalkan oleh PBN perlu dikemas kini.
- ii. Keperluan proses menentukan sempadan dan mewartakan Rangkaian Ekologi CFS untuk memudahkan pentadbiran dan pengurusan hutan dalam Akta 313.
- iii. Kategori pengelasan HSK mengikut maksud-maksud kegunaan dalam Bahagian III Seksyen 10 yang terbahagi kepada 11 kegunaan memberi kesan kepada fungsi HSK untuk menjalankan tanggungjawab hakiki dalam memastikan kewujudan HSK.
- iv. Penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam hal-hal penggantian kawasan tanah yang dikeluarkan daripada HSK mengikut Seksyen 12 Akta 313 untuk “kepentingan negara”.
- v. Ketiadaan peruntukan undang-undang dalam Akta 313 mengenai status, prosedur dan tatacara serta “bentuk dan kandungan” penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan yang perlu dipatuhi oleh Pengarah Perhutanan Negeri.
- vi. Ketiadaan kuasa dan peruntukan undang-undang dalam Akta 313 untuk PBN “mengambil balik tanah” yang telah diberimilik untuk tujuan kepentingan pentadbiran dan pengurusan hutan.

T5.1b INISIATIF PELAKSANAAN

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan		Agensi Terlibat	
		Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
1.	Menyelaras tafsiran “hutan”.	KeTSA	i. JKPTG ii. PTG iii. PBN iv. JPSP v. JPN vi. Jabatan PERHILITAN vii. PLANMalaysia
2.	Menyelaras definisi “pemajuan” antara Akta 313 dan Akta 172.		
3.	Menstruktur semula klasifikasi hutan simpanan kekal.		
4.	Mengadakan proses pendengaran awam untuk pewartaan keluar kawasan tanah hutan dari HSK.	PBN	i. PTG ii. PDT/PTD/PTJ iii. JPN iv. Jabatan PERHILITAN v. PLANMalaysia
5.	Mewartakan kawasan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) di dalam Rangkaian Ekologi CFS sebagai Hutan Simpanan Kekal.	PBN	i. PTG ii. PDT/PTD/PTJ iii. JPN iv. Jabatan PERHILITAN v. PLANMalaysia

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan	Agensi Terlibat	
	Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
6. Merangka proses dan prosedur penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) (Seksyen 24).	KeTSA	i. JPSM
7. Penyertaan awam di dalam pewartaan Rancangan Pengurusan Hutan (Seksyen 24).		ii. JPN
8. Peruntukan undang-undang menggunakan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan untuk tujuan kajian dan penyediaan dokumen / laporan berkaitan CFS.		iii. PTG
9. Larangan mengutip spesies pokok terancam (sebagaimana disenaraikan dalam Akta 313).		iv. PBN
		v. JPSM
		vi. Jabatan PERHILITAN

Nota: Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Menyelaras Tafsiran “Hutan”

- i. Setiap pemegang taruh dalam urusan hutan perlu berpandu kepada tafsiran hutan yang selaras. Keperluan yang dibuat adalah supaya pengertian hutan dalam Seksyen 2 Akta 313 diadakan sama dengan maksud hutan seperti yang dicadangkan dalam KTN 1965.
- ii. Pindaan akta ini bertujuan menyelaraskan dan berpegang kepada maksud yang sama iaitu “Hutan” bermakna “*Sesuatu kawasan merangkumi keluasan melebihi 0.5 hektar termasuk hutan semula jadi / asli tetapi tidak termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi tujuan pertanian atau penggunaan tanah bandar (urban land use). Pokok-pokok yang terdapat di kawasan tersebut juga hendaklah mampu mencapai ketinggian sekurang-kurangnya 5 meter dan dilitupi oleh silara pokok melebihi 30%.*”
- iii. Definisi ini menjadi asas rujukan yang penting dalam sistem perundangan untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti agensi persekutuan, PBN, Jabatan Perhutanan, Jabatan PERHILITAN serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Menyelaras Definisi “Pemajuan” Antara Akta 313 dan Akta 172

- i. Bagi tujuan pembentukan strategi pemeliharaan kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi, maksud yang tepat bagi pembangunan hutan perlu dijelaskan untuk menjadi panduan kepada pihak terlibat mengukur tahap pembangunan yang berlaku terhadap hutan.
- ii. Peruntukan dalam Seksyen 2 Akta 313 mencadangkan “pemajuan” yang membawa maksud *“menjalankan apa-apa aktiviti kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana Bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah; dan “memajukan hendaklah ditafsir dengan sewajarnya”*.
- iii. Tafsiran pemajuan seharusnya dibaca bersama dengan takrifan kerja operasi yang lain seperti ‘kerja bangunan’, ‘kerja kejuruteraan’ dan ‘kerja tanah’ seperti mana peruntukan pada Seksyen 2 Akta 172.
- iv. Dengan tafsiran ini bidang kuasa untuk merancang dan mengawal pembangunan hutan akan terletak hak kepada PBPT di mana kawasan hutan itu berada untuk bertanggungjawab selaras dengan kehendak peruntukan Akta 172.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 3: Menstruktur Semula Klasifikasi Hutan Simpanan Kekal

- i. Cadangan pindaan Akta 313 mengikut Seksyen 10(1) ini perlu meneliti semula keputusan membenarkan kegunaan “ladang hutan” sebagai salah satu kelas dalam kategori HSK iaitu hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan.
- ii. Keputusan PBN dan Jabatan Perhutanan Negeri yang membolehkan banyak kawasan hutan bertukar kegunaannya secara berskala besar menjadi ladang-ladang pertanian seperti ladang getah dan lain-lain. Kesan kepada kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi adalah keluasan kawasan hutan semula jadi semakin berkurangan.
- iii. Selain itu, Hutan Taman Negeri juga dicadangkan untuk dimasukkan sebagai klasifikasi HSK yang baharu bagi mempelbagaikan jenis dan klasifikasi HSK seterusnya secara tidak langsung memberi ruang yang lebih luas kepada PBN di dalam memperbanyakkan kawasan hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 4: Mengadakan Proses Pendengaran Awam untuk Pewartaan Keluar Kawasan Tanah Hutan dari HSK

- i. Tindakan yang diputuskan oleh PBN untuk pewartaan keluar HSK ditentukan secara penglibatan bersama dengan pihak awam melalui wakil-wakil terpilih.
- ii. Peruntukan Seksyen 11 Akta 313 perlu dipinda untuk membolehkan proses penglibatan awam dijalankan setiap kali pewartaan keluar HSK.
- iii. Rakyat dapat bersuara secara langsung dengan setiap tindakan PBN untuk mengurangkan kawasan hutan semula jadi.
- iv. Ini merupakan kaedah penting untuk memastikan keadilan sosial dipelihara dalam sistem pengurusan hutan di negara ini.
- v. Kaedah ini juga terpakai jika PBN hendak mewartakan masuk / penggantian HSK menurut Seksyen 12 Akta 313.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 5: Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) di dalam Kawasan Rangkaian Ekologi CFS Sebagai HSK

- i. Kawasan HTK di dalam kawasan Rangkaian Ekologi CFS yang telah dipersetujui oleh PBN dan Jabatan Perhutanan Negeri perlulah diwartakan sebagai HSK.
- ii. Pemakaian Bahagian III Akta 313 mengenai HSK diguna pakai di dalam pewartaan kawasan HTK.
- iii. Tujuan cadangan ini adalah untuk memastikan kawasan Rangkaian Ekologi CFS akan terpelihara dan terus berfungsi untuk menyambung kawasan HSK.
- iv. Beberapa garis panduan perancangan perlu dibentuk untuk menjadi peraturan yang perlu diikuti oleh pihak-pihak berkuasa dan orang awam yang terlibat dengan pengurusan kawasan CFS.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 6: Merangka Proses dan Prosedur Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH)

- i. Kelemahan yang ketara masa ini adalah ketiadaan dokumen statutori yang diwartakan oleh PBN untuk dijadikan asas panduan untuk perancangan dan pengawalan kawasan hutan oleh pihak-pihak yang berkuasa terhadap hutan seperti Jabatan Perhutanan Negeri.
- ii. Walaupun Seksyen 24 diperuntukkan untuk menyediakan RPH tetapi prosedur dan proses penyediaan RPH tersebut harus diperkemaskan dan disediakan tatacara mengenai struktur kandungan dan mestilah diwartakan oleh PBN.
- iii. RPH perlu dinaikkan taraf penggunaannya sebagai satu alat statutori yang terpenting untuk digunakan oleh pihak-pihak bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan kawasan CFS serta Rangkaian Ekologi hutan yang berkesan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 7: Penyertaan Awam di dalam Pewartaan Rancangan Pengurusan Hutan

- i. Di dalam proses penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, dicadangkan diwujudkan satu proses pemeriksaan awam merangkumi salinan draf Rancangan Pengurusan Hutan, lokasi pemeriksaan dan tempoh pemeriksaan serta representasi bantahan (sekiranya ada) yang tidak lebih daripada empat minggu (tempoh ini boleh dilanjutkan oleh PBN sekiranya wujud permohonan).
- ii. PBN perlu melantik pihak berkecuali di dalam mempertimbangkan sebarang bantahan dan mengambil kira semua bantahan dan cadangan sebelum meluluskan Rancangan Pengurusan Hutan.
- iii. Akta 313 sedia ada tidak memperuntukkan apa-apa kaedah kepada orang awam untuk turut serta di dalam proses kawal selia dan pembangunan kawasan hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 8: Peruntukan Undang-undang Menggunakan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan untuk Tujuan Kajian dan Penyediaan Dokumen / Laporan Berkaitan CFS

- i. Sistem kewangan perhutanan mesti berupaya untuk menjana sumber kewangan dan boleh digunakan untuk memelihara kepentingan hutan.
- ii. Bab 8 Seksyen 58 mengenai Kumpulan Wang Pembangunan Hutan perlu diperkemas untuk menyediakan peruntukan kuasa membenarkan kegunaan sumber kewangan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan untuk pemuliharaan dan pemeliharaan serta penyediaan dokumen dan kajian berkaitan dengan kawasan CFS dan HSK.
- iii. Ini termasuklah di dalam penyediaan Rancangan Kawasan Khas, proses penyertaan awam di dalam warta keluar HSK serta program pemuliharaan yang lain sekiranya PBN merasakan boleh membawa kebaikan terhadap kawasan hutan.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 9: Larangan Mengutip Spesies Pokok Terancam

- i. Pindaan terhadap Akta 313 juga perlu dibuat untuk memasukkan peruntukan pengharaman membawa keluar hasil hutan yang terdiri daripada spesies pokok terancam.
- ii. Melalui cadangan Jadual Ketujuh yang baharu, pengeluaran hasil hutan yang terdiri daripada spesies terancam hendaklah dilarang sama sekali bagi menjamin kelangsungan hidupan flora di kawasan hutan secara amnya dan kawasan CFS khususnya.
- iii. Pindaan pada Seksyen 20 dengan menyatakan jenis-jenis pokok yang dilarang sama sekali untuk ditebang setelah lesen mengambil hasil hutan dikeluarkan oleh PBN seperti spesies yang mempunyai status konservasi *Critically endangered* (CR) dan *Endangered* (EN).

Tindakan

5.1c

Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

T5.1c PENGENALAN

Akta 172 menjadi alat yang sangat penting dalam membantu merancang dan mengawal penggunaan serta pembangunan tanah dalam negara termasuklah tanah kegunaan hutan. Sistem rancangan pemajuan sedia ada yang terpakai di negara ini adalah:

- i. Rancangan Fizikal Negara (RFN) di peringkat persekutuan.
- ii. Rancangan Struktur (RS) di peringkat negeri.
- iii. Rancangan Tempatan (RT) pada peringkat daerah / kawasan PBPT.
- iv. Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi kawasan yang memerlukan tindakan perancangan secara khusus.

Rancangan-rancangan pemajuan ini merupakan alat statutori yang boleh menjadi asas terperinci kepada pengurusan dan pembangunan kawasan guna tanah hutan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia yang diberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Sistem kawalan perancangan yang dipegang oleh PBPT juga membantu pihak agensi terlibat untuk memberikan kebenaran merancang dengan merujuk kepada dasar PBN dan rancangan pemajuan yang telah berkuat kuasa. Kesemua hierarki rancangan pemajuan yang disediakan mengikut kehendak Akta 172 adalah menjadi asas bagi PBN dan PBT untuk mentadbir perancangan dan mengawal pembangunan termasuk kawasan hutan yang ada dalam sesuatu negeri dan daerah. Segala aktiviti yang berlaku di kawasan hutan juga adalah dianggap sebagai “pemajuan” mengikut peruntukan Akta 172.

T5.1c PENEMUAN UTAMA

- i. Aktiviti menukar guna tanah hutan kepada pertanian tidak melalui proses yang diperuntukkan oleh Akta 172.
- ii. Tiada peruntukan undang-undang Akta 172 dalam Bahagian IIB dan Bahagian III untuk memastikan setiap hierarki sistem rancangan pembangunan sama ada RFN, RS, RT dan RKK untuk mengambil kira cadangan-cadangan CFS yang telah disediakan secara berskala oleh pihak berkuasa perancangan persekutuan.

- iii. Tiada peruntukan khusus dalam Bahagian IV Akta 172 mengenai peranan dan tanggungjawab PBPT untuk merancang serta mengawal pembangunan kawasan hutan yang berada dalam sempadan sesuatu PBT.

T5.1c

INISIATIF PELAKSANAAN

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan		Agensi Terlibat	
		Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
1.	Penyelarasan tafsiran “pemajuan” dengan pembangunan kawasan hutan.	KPKT	i. PLANMalaysia ii. PLANMalaysia@Negeri iii. PBN iv. PBPT v. JPSM vi. JPN
2.	Memberi kuasa kepada PBPT mengawal aktiviti pembangunan hutan (kecuali HSK perlu rujuk Akta 313).		
3.	Penyenaraian pokok-pokok menggunakan “Perintah Pemeliharaan Pokok”.		
4.	Menyediakan RKK bagi kawasan Rangkaian Ekologi CFS.	PLANMalaysia @Negeri	i. PBN ii. PBPT iii. PDT iv. JPN v. PERHILITAN Negeri vi. JAS vii. JPS viii. JKR ix. Perbadanan Taman Negeri
5.	Pemakaian Kebenaran Merancang (KM) Pertanian.	PLANMalaysia @Negeri	i. PBN ii. PBPT iii. JPN iv. Jabatan Pertanian

Nota: Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Penyelarasan Tafsiran “Pemajuan” dengan Pembangunan Kawasan Hutan

- i. Tafsiran ‘pemajuan’ di dalam Akta 172 perlu diperluaskan merangkumi aktiviti guna tanah kawasan hutan. ‘Pemajuan’ membawa maksud “menjalankan apa-apa aktiviti kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah dan ‘memajukan hendaklah ditafsir dengan sewajarnya’.
- ii. Penafsiran ‘kerja tanah’ perlu diselaraskan dengan kerja-kerja operasi hutan dan pemakaian tafsiran ini memberi sumber kuasa terhadap proses kebenaran merancang (KM) Pertanian. Kerja tanah ditafsirkan sebagai ‘termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah.
- iii. Secara dasarnya definisi pemajuan haruslah dibaca bersama dengan definisi ‘kerja bangunan’, ‘kerja kejuruteraan’ dan ‘kerja tanah’. Aktiviti pembangunan hutan juga secara keseluruhannya adalah sebahagian dari aktiviti pemajuan yang menyeluruh terkandung dalam Akta 172.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 2: Memberi Kuasa kepada PBPT Mengawal Aktiviti Pembangunan Hutan

- i. Pemakaian peruntukan ini akan membolehkan fungsi merancang serta mengawal pembangunan tanah di kawasan PBT dilaksanakan secara menyeluruh dan meliputi keseluruhan keluasan sesuatu PBT atau daerah.
- ii. Pemakaian peruntukan ini akan memudahkan tugas utama PBPT kerana dapat menjalankan tugas meliputi seluruh kawasan pentadbiran.
- iii. Kesannya, pembangunan yang berlaku dapat diselaraskan dengan bersepadu tanpa campur tangan dari pihak-pihak lain.
- iv. PBPT adalah lebih berkesan melaksanakan tanggungjawab kerana semua dokumen-dokumen dasar dan strategi dari setiap peringkat kerajaan akan lebih mudah dikaitkan.
- v. Dalam hal pengurusan hutan, Jabatan Perhutanan Negeri akan menjadi satu jabatan teknikal penting yang mesti terlibat membantu PBPT membuat keputusan kebenaran merancang.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 3: Penyenaraian Pokok-pokok Menggunakan “Perintah Pemeliharaan Pokok”

- i. Keseluruhan Seksyen 35 Akta 172 mengenai Perintah Pemeliharaan Pokok (PPP) boleh digunakan oleh PBPT untuk memastikan pemeliharaan pokok atau kelompok pokok-pokok dibuat berdasarkan ciri-ciri disenaraikan mengikut undang-undang.
- ii. Menurut Subseksyen 35H(i), pokok yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter adalah dilarang dari ditebang tanpa kebenaran bertulis dari PBPT.
- iii. Penguatkuasaan PPP akan memastikan spesies-spesies pokok hutan terutama yang terancam dan menepati kriteria PPP akan dapat dikekalkan dan dipelihara.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 4: Menyediakan RKK bagi Kawasan Rangkaian Ekologi CFS

- i. Strategi pemeliharaan kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi adalah penting untuk mengguna pakai peruntukan Seksyen 16B perundangan yang telah sedia ada dalam Akta 172 untuk menjadikan RKK yang diwartakan sebagai alat statutori untuk merancang dan mengawal kawasan hutan bagi jangka masa sederhana (5 hingga 10 tahun).
- ii. RKK merupakan dokumen rasmi yang menjadi asas dan diwartakan menjadi panduan perancangan dan pengawalan pembangunan untuk digunakan oleh PBPT, Jabatan Perhutanan Negeri dan PBN dalam menguruskan keadaan hutan semasa.
- iii. RKK disokong oleh hierarki rancangan pembangunan yang lebih tinggi iaitu RS di peringkat negeri dan RFN pada peringkat persekutuan. Apa-apa yang hendak dilakukan terhadap kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi perlu merujuk kepada RKK yang disediakan.
- iv. Proses penyediaan RKK yang mewajibkan prosedur pendengaran awam boleh menjadi platform untuk PBN dan agensi kerajaan yang lain untuk mendengar apa-apa bantahan berkenaan dengan warta keluar kawasan CFS setelah pemakaian RKK dilaksanakan.
- v. Dengan pewartaan RKK serta pemakaian KM Pertanian di peringkat PBPT, proses pembangunan dan kawal selia kawasan hutan boleh diselaraskan di bawah satu sistem pembangunan tanah yang komprehensif.

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 5: Pemakaian Kebenaran Merancang (KM) Pertanian

- i. Mewajibkan Kebenaran Merancang Pertanian dipohon melalui pihak berkuasa perancang seperti peruntukan Akta 172.
- ii. Pertimbangan khusus perlu diberikan kepada golongan petani-petani kecil berdasarkan keluasan tanah pertanian yang diusahakan. Ladang dengan keluasan 5 ekar ke bawah dicadangkan untuk dikecualikan daripada permohonan Kebenaran Merancang Pertanian.
- iii. Kaedah pelaksanaan KM Pertanian adalah seperti berikut:

A

Agensi Teknikal dan Keanggotaan di dalam Pihak Berkuasa Perancangan

Ulasan-ulasan daripada agensi teknikal amat penting di dalam memastikan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang adalah menyeluruh. Di dalam memastikan penyelarasan pembentukan dasar dan polisi kawasan hutan serta perancangan guna tanah yang lebih efisien, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan PERHILITAN Negeri menjadi ahli tetap Jawatankuasa Perancangan Negeri dibawah peruntukan Seksyen 4 Akta 172. Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan PERHILITAN Negeri mestilah dirujuk di dalam setiap KM yang melibatkan guna tanah kawasan hutan setiap peringkat perancangan supaya keputusan yang dibuat secara bersama dengan pihak Jabatan Perhutanan Negeri.

B

Rayuan Perancangan / Lembaga Rayuan

Mana-mana pihak yang terkilan berkenaan dengan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang boleh merayu dalam masa sebulan dari tarikh keputusan itu dibuat sepertimana di bawah peruntukan Seksyen 23(1). Lembaga rayuan menjadi pihak berkecuali di dalam mendengar rayuan serta mempertimbangkan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan dengan aktiviti guna tanah kawasan hutan. Keahlian Lembaga Rayuan juga perlu terdiri daripada pakar-pakar hidupan liar dan alam sekitar di dalam memutuskan keputusan akhir rayuan pihak yang terkilan. Dengan adanya input daripada pakar hidupan liar serta alam sekitar ianya sedikit sebanyak memperkukuhkan institusi Lembaga Rayuan itu sendiri sebagai pihak yang berkecuali di dalam memberi keputusan akhir.

C

Caj Pemajuan

Caj pemajuan seperti mana peruntukan Seksyen 32 Akta 172 boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa perancangan di dalam merealisasikan cadangan-cadangan pada RT dan RKK terutama di dalam melaksanakan program-program pemuliharaan hutan. Selain daripada itu, penggunaan sumber kewangan daripada caj pemajuan juga harus diperluaskan merangkumi program-program pemuliharaan hutan terosot bagi menjamin kelangsungan kawasan hutan.



D

Dokumentasi

EIA diwajibkan untuk keluasan tanah lebih daripada 20 hektar dan pematuhan terhadap proses-proses kawalan pembangunan yang lain menjadi asas utama di dalam membuat keputusan. Peruntukan berkenaan dengan dokumentasi wajib seperti mana peruntukan Seksyen 21A (Laporan Cadangan Pemajuan), Seksyen 21B (Pelan Susunatur) dan Seksyen 21C (penyediaan pelan oleh orang berkelayakan) adalah terpakai semasa memproses KM Pertanian. Ini adalah untuk memastikan dokumentasi yang disediakan boleh membantu pihak berkuasa perancang di dalam membuat keputusan yang menyeluruh.

Jadual 6.1: Rumusan Sumber Kuasa KM Pertanian Berdasarkan Akta 172

Perkara / Sumber Kuasa	PBPT Seksyen 5(1)	JPN Seksyen 5(2)	MPFN/JPW Seksyen 22(2a)
KM Pertanian di dalam pentadbiran PBT	√		
KM Pertanian bersempadan antara dua PBT / luar kawasan PBT		√	
KM Pertanian bersempadan antara dua negeri / KSAS			√
<i>Environmental Impact Assessment (EIA)</i>		√	√
Penilaian Impak Sosial			√
Laporan Cadangan Pemajuan / Pelan Susunatur	√	√	√
Lembaga Rayuan	√	√	√
Caj Pemajuan	√	√	√

Tindakan 5.1d

Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)

T5.1d PENGENALAN

Akta ini adalah undang-undang Persekutuan yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan bertujuan menyediakan peraturan bagi perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Undang-undang ini juga membantu dalam merancang dan mengawal penggunaan dan pembangunan hutan melalui pengawalan hidupan liar yang terdapat dalam persekitaran hutan di negara ini. Jabatan PERHILITAN yang berada di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) diberikan kuasa untuk mengurus tadbir dan melaksanakan peranan serta tugas-tugas yang diperuntukkan di bawah undang-undang Akta 716 ini. Menurut Akta 716, hidupan liar ditafsirkan sebagai

“mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar sama ada dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.”



T5.1d PENEMUAN UTAMA

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 (Akta 716) ini adalah menyeluruh merangkumi senarai jenis-jenis hidupan liar, kaedah-kaedah mengeluarkan lesen serta penguatkuasaan dan penalti terhadap kesalahan yang dilakukan akibat pelanggaran undang-undang. Namun begitu, tafsiran mengenai rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar tidak jelas iaitu:

- i. Rizab Hidupan Liar (RHL) ditafsirkan sebagai **“suatu kawasan atau beberapa kawasan yang diwartakan khusus untuk berbagai jenis hidupan liar yang terdapat dalam Kawasan Perlindungan Hidupan Liar (KPHL)”**.
- ii. Kawasan perlindungan hidupan liar pula diisytiharkan sebagai **“suatu kawasan berkeluasan lebih besar dari RHL yang diwartakan untuk menampung hidupan liar serta kawasan habitat hutan yang menjadi tempat tinggal spesies-spesies hidupan liar.**
- iii. Kurangnya perlaksanaan pewartaan kawasan rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar oleh PBN ketika ini.

T5.1d INISIATIF PELAKSANAAN

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan	Agensi Terlibat	
	Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
1. Mewartakan Rizab Hidupan Liar (RHL) dan Kawasan Perlindungan Hidupan Liar (KPHL) di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) selari dengan pemeliharaan kawasan CFS.	i. Jabatan PERHILITAN	i. PBN ii. PTG iii. JPSM

Nota: Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Mewartakan RHL dan KPHL Selari dengan Pemeliharaan Kawasan CFS

- i. Adalah penting untuk PBN memperkasakan Bahagian V Seksyen 47 Akta 716 tentang RHL dan KPHL bagi memelihara habitat semula jadi hidupan liar supaya ekosistem spesies tersebut tidak terganggu khususnya oleh aktiviti manusia.
- ii. Cadangan pewartaan RHL dan KPHL perlu dikenal pasti dan ditunjukkan dalam RKK terlibat dan mestilah merangkumi kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi. Kawasan CFS, RHL dan KPHL haruslah selaras di dalam menjamin kelangsungan ekosistem hutan yang sihat.
- iii. Kaedah ini dapat menghalang berlakunya pencerobohan hidupan liar dan dapat memelihara kawasan hidupan liar, kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi. Secara tidak langsung, ekosistem hidupan liar menjadi sebahagian dari ekosistem dan biodiversiti hutan keseluruhannya.

Tindakan

5.1e

Mengukuhkan Undang-Undang (Akta 134) Pemakaian Akta Orang Asli Peruntukan Asli 1954

T5.1e PENGENALAN

Kawasan hutan adalah penting kepada cara hidup Orang Asli. Masyarakat Orang Asli akan menggunakan sumber hutan untuk menyediakan tempat kediaman, menggunakan sumber hutan untuk makanan, perubatan dan lain-lain lagi. Kesemua ini bergantung kepada jumlah populasi Orang Asli, skala dan kuantiti sumber hutan yang digunakan, kepercayaan hidup dan termasuk juga aktiviti pemburuan Orang Asli untuk makanan. Tujuan asal pembentukan undang-undang persekutuan mengenai Orang Asli adalah untuk memberikan perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan kepada Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Akta ini memberi tafsiran penting mengenai Orang Asli, sistem pentadbiran kerajaan terhadap golongan tersebut, pengisytiharan kawasan diduduki Orang Asli, pengisytiharan kawasan sebagai Rizab Orang Asli dan termasuk juga urus niaga tanah oleh Orang Asli. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak berkait secara langsung dengan hal-hal berkaitan Orang Asli dengan pengurusan dan kepentingan hutan. Oleh yang demikian, beberapa peruntukan dalam Akta ini perlu diubah untuk menjelaskan kefahaman mengenai kepentingan kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi dengan kebajikan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

T5.1e PENEMUAN UTAMA

Sehingga kini, Akta Orang Asli, 1954 (Akta 134) masih tidak menjelaskan kepentingan tanah hutan kepada masyarakat Orang Asli dari segi peranan yang boleh dimainkan. Tafsiran mengenai Rizab Orang Asli (ROA) dan Kawasan Orang Asli (KOA) dapat dijelaskan seperti berikut:

- i. Seksyen 6 Akta 134 menyatakan KOA sebagai **“mana-mana kawasan yang diduduki kebanyakan oleh Orang Asli yang belum lagi diisytiharkan sebagai ROA oleh PBN”**.
- ii. ROA adalah **“mana-mana KOA yang dijadikan ROA dengan syarat Orang Asli tinggal kekal di tempat tersebut”**.
- iii. Masih terdapat KOA di kawasan CFS yang tidak diwartakan.
- iv. Pewartaan ROA yang baharu tidak boleh bertindih dengan mana-mana rizab sedia ada dan tidak boleh dikeluarkan lesen untuk memungut hasil hutan oleh orang yang bukan Orang Asli dan bukan bermastautin dalam ROA.

T5.1e INISIATIF PELAKSANAAN

Cadangan Inisiatif Pelaksanaan	Agensi Terlibat	
	Pelaksana Utama	Pelaksana Sokongan
1. Penyelarasan pewartaan ROA baharu di dalam kawasan CFS semasa penyediaan RT dan RKK.	i. JAKOA Negeri ii. PLANMalaysia @Negeri	i. PTG ii. PBN iii. PDT/PTD/PTJ iv. JPSP v. Jabatan PERHILITAN

Nota: Tahap kepentingan pelaksanaan:

Sangat penting dan memerlukan tindakan segera

Penting, namun boleh dijalankan secara sederhana

Perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan

Perincian Inisiatif Pelaksanaan 1: Penyelarasan Pewartaan ROA Baharu di dalam Kawasan CFS Semasa Penyediaan RT dan RKK

- i. Adalah penting untuk PBN di dalam pemakaian Seksyen 6 Akta 134 berkenaan dengan pewartaan ROA bagi memberi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, pada masa yang sama pemeliharaan kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi (RE). Dapatan kajian mendapati sebanyak 94 buah KOA berada di dalam kawasan Rangkaian Ekologi (termasuk 1 km radius).
- ii. Cadangan ROA perlu dikenal pasti dan ditunjukkan dalam RT dan RKK terlibat. Kawasan CFS dan ROA haruslah selaras di dalam menjamin kelangsungan biodiversiti hutan yang sihat serta turut menjamin kesejahteraan komuniti Orang Asli.
- iii. ROA yang telah dikenal pasti perlu ditandakan dengan sempadan fizikal seperti batu sempadan yang jelas dan direkodkan dalam sistem pemetaan secara rasmi bagi memudahkan pengenalpastian serta pengurusan kawasan ROA.
- iv. Orang Asli dibenarkan memburu hidupan liar yang telah diperuntukan di dalam Jadual Ke-enam Akta 716 demi kelangsungan hidup mereka.
- v. Selain itu, Seksyen 19 Akta 716 boleh membuat peraturan untuk membenarkan penglibatan Orang Asli di dalam aktiviti ekonomi berasaskan perhutanan seperti Malim Gunung, perniagaan produk hutan (tidak melibatkan spesies terancam) seperti kraf tangan serta mempromosi gaya hidup Orang Asli (*homestay*) terutama di kawasan yang berpotensi dijadikan kawasan ekopelancongan.

